

KERAJAAN TIDAK GALAK TUBUH AGENSI² BARU

21 APR 1984
KUALA LUMPUR 20

April - Kerajaan tidak akan menggalakkan penubuhan agensi - agensi baru bagi pelaksanaan program - program pembangunan khususnya di bawah kajian semula Rancangan Malaysia Keempat sebaliknya akan menggunakan agensi yang sedia ada sekarang secara optima.

Langkah tersebut adalah untuk memastikan pelaksanaan rancangan - rancangan pembangunan kerajaan terutama yang berkaitan dengan kemajuan masyarakat luar bandar dapat berjalan dengan lancar tanpa penggunaan tenaga dan wang yang berlebihan.

Difahamkan perkara itu telah ditegaskan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam satu perjumpaan dengan ketua - ketua setiausaha, setiausaha - setiausaha kerajaan negeri dan ketua - ketua jabatan kerajaan di sini baru-baru

ini.

Dalam perjumpaan tersebut, Perdana Menteri mengingatkan pegawai - pegawai tinggi kerajaan itu supaya menggunakan peruntukan kewangan yang diberikan kepada kementerian masing - masing dengan berhati-hati. Dalam hubungan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir juga telah mengingatkan mereka supaya jangan selalu sangat membangkitkan tentang soal tidak cukup peruntukan kewangan dan tenaga kakitangan bagi melaksanakan sesuatu rancangan.

Tegas beliau, soal peruntukan kewangan tidak cukup tidak seharusnya

Oleh Razak Rashid Ghows

timbul dan menjadi suatu alasan.

Tetapi yang penting, pegawai - pegawai tinggi kerajaan itu diminta supaya menggunakan sumber yang ada sekarang dengan seberapa maksima yang boleh.

Utusan difahamkan bahawa atas sebab demikianlah Perdana Menteri telah menegaskan tentang perlunya agensi - agensi pelaksanaan digunakan ke peringkat yang optima bagi mendatangkan hasil dan kejayaan. Serentak dengan itu, dalam

melaksanakan rancangan pembangunan kawasan luar bandar di bawah kajian separuh penggal RME, Perdana Menteri juga tidak menggalakkan penubuhan persatuan - persatuan peladang yang baru, institusi baru atau koperasi baru.

Untuk tujuan pelaksanaan program - program di bawah kajian tersebut, Perdana Menteri juga menyampaikan harapannya agar tiap-tiap agensi kerajaan digunakan bagi kepentingan kawasan setempat.

Agensi - agensi berkenaan yang meliputi lembaga - lembaga kemajuan tanah dan tempatan digalakkan juga supaya mengadakan latihan - latihan dan kursus mengenai perjalanan koperasi serta cara - cara pengurusan estet bagi meningkatkan pengalaman penduduk kampung dalam bidang berkenaan. Usaha tersebut adalah selaras dengan matlamat kerajaan untuk membangunkan bandar - bandar kecil secag berkelompok di kawasan perkampungan dan mewujudkan industri - industri kecil bagi menyusun semula masyarakat luar bandar.